

Headline	Terapi ikan dibimbangi sebar virus HIV		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	12	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	240 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,573
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,719



Terapi ikan dibimbangi sebar virus HIV

KUALA LUMPUR: Amaran kepada penggemar rawatan spa ikan! Kajian perubatan terbaru menunjukkan terapi ikan itu berpotensi menyebarkan pelbagai penyakit seperti Hepatitis C, AIDS dan tibi.

Ikan garra ruffa yang digunakan untuk rawatan itu dikatakan boleh memindahkan bakteria daripada seseorang penghidap yang mendapatkan terapi itu kepada pelanggan lain melalui gigitan.

Selain melalui gigitan ikan secara langsung, air tangki ikan berkenaan juga berpotensi menyebarkan pelbagai jenis penyakit, jika airnya tidak ditukar selepas setiap kali digunakan seseorang pelanggan.

Pakar Dermatologi Hospital An-Nur, Dr Saadiah Sulaiman, berkata ikan itu boleh menyebarkan bakteria kepada mereka yang mendapatkan rawatan spa berkenaan dan seterusnya menyebabkan kemungkinan berlakunya jangkitan penyakit.

"Orang ramai perlu memastikan keberkesanan rawatan itu terlebih dulu sebelum mencubanya kerana saya berpendapat ia tidak memberi sebarang kesan yang positif."

"Bagaimanapun, setakat ini saya masih belum menerima sebarang kes membabitkan rawatan spa ikan dan yang ada hanyalah berkaitan dengan masalah lintah saja," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar *The Sun* di United Kingdom (UK) yang menyiarkan amaran dikeluaran Agensi Perlindungan Kesihatan negara itu bahawa rawatan spa ikan boleh menyebarkan penyakit berbahaya seperti HIV dan Hepatitis C, selain meminta mereka yang mempunyai penyakit diabetes dan psoriasis supaya menjauhinya.

Agenzia itu melaporkan air tangki ikan terbabit juga mengandungi mikro organisme, sekali gus mengakibatkan pelbagai masalah kesihatan ekoran bakteria yang dipindahkan oleh ikan garra ruffa sama ada melalui gigitannya atau air spa itu sendiri.

Jurucakap agensi itu berkata, pihaknya mengeluarkan garis panduan berkenaan kerana jumlah spa yang menawarkan rawatan terbabit semakin bertambah di UK.

"Risiko jangkitan 'amat rendah' namun 'ia tidak boleh diabaikan sepenuhnya'. Apabila prosedur kebersihan betul diikuti, risiko jangkitan amatlah rendah."

"Bagaimanapun, masih ada risiko jangkitan bagi virus seperti HIV dan Hepatitis C," kata jurucakap agensi itu.



TERAPI Ikan makin berkembang di seluruh dunia.